

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]

TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil kajian mengenai penurunan had umur pengambilan lesen memandu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) berhubung penurunan had umur pengambilan lesen memandu, pihak Kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak mengubah atau meminda had umur dan kelas kenderaan untuk memandu. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 39 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, had umur bagi penunggang motosikal adalah 16 tahun dan ke atas, motokar pula bermula 17 tahun dan ke atas. Manakala bagi kenderaan berat pula bermula 21 tahun dan ke atas, di bawah Seksyen 56 APJ 1987.

Sekian, terima kasih.